

KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
22 OKTOBER 2020

**1. PENEMPATAN & PELANTIKAN PEGAWAI KUMPULAN
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

Dengan ini dimaklumkan bahawa Encik Muhammad Afiq Farhan Bin Aziz, Pegawai Undang-Undang (Gred L41) berkelulusan Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah ditempatkan di Jabatan Undang-undang berkuatkuasa 1 Oktober 2020.

Dimaklumkan juga bahawa Puan Noor Asyiqin Binti Zainal Abidin berkelulusan Sarjana Muda Senibina Landskap dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah dilantik menjadi Arkitek Landskap (Gred J41) berkuatkuasa 1 Oktober 2020. Ucapan tahniah dan diharapkan dapat menjalankan amanah dengan sebaik-baiknya.

2. PENUBUHAN BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KOMUNITI

Dimaklumkan pada 1 September 2020, telah ditubuhkan Bahagian Keselamatan dan Komuniti (BKK) yang diketuai oleh Tuan Amirul Ariff bin Abdul Rahman dan dilantik sebagai Ketua Bahagian Keselamatan dan Komuniti. Bahagian Keselamatan dan Komuniti berfungsi dan bertanggungjawab;

- a. Memastikan keselamatan sekitar Mahkamah Munisipal;
- b. Melaksanakan serahan saman bagi kes-kes tindakan Mahkamah Munisipal;
Menjaga dan mengawasi harta, aset dan hasil MBSP daripada diceroboh, hilang atau rosak;
- c. Keselamatan Komuniti;
- d. Rondaan bit ke atas kawasan-kawasan yang telah digazetkan oleh MBSP bagi memastikan undang-undang sentiasa dipatuhi dan tahap keselamatan yang terkawal;
- e. Kawalan dan pemeriksaan keselamatan di setiap pos kawalan dan pintu-pintu masuk utama ke Menara MBSP serta pejabat-pejabat cawangan MBSP;
- f. Kawalan dan pemeriksaan di "*Free Industrial Zone*"(FIZ);
- g. Pengawasan CCTV; dan
- h. Kawalan keselamatan majlis rasmi.

3. SAMBUTAN MAULIDUR RASUL

Dimaklumkan bahawa Sambutan Maulidur Rasul jatuh pada 29 Oktober 2020 (Khamis) dan ianya merupakan Hari Kelepasan Am. Maulidur Rasul iaitu hari bersejarah Keputeraan Nabi Muhammad yang jatuh pada setiap 12 Rabiulawal. Pada setiap tahun, Umat Islam di seluruh dunia akan mengadakan beberapa acara seperti perarakan, ceramah dan sebagainya. Saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Maulidur Rasul dan selamat bercuti dan amalkan Standard Operating Procedure (SOP) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

4. SELAMAT MENYAMBUT HARI DEEPAVALI PADA 14 NOVEMBER 2020

Dikesempatan ini juga, saya turut ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada penduduk Seberang Perai yang menganut agama Hindu. Hari Deepavali disambut pada 14 November 2020 (Sabtu) dan hari tersebut merupakan Hari Kelepasan Am.

SEKIAN, TERIMA KASIH.